

# Pelbagai insentif golongan kurang upaya

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan hari ini mengumumkan pelbagai insentif untuk golongan kurang upaya di negara ini termasuk membenarkan semua kakitangan perkhidmatan awam yang mempunyai anak kurang upaya bekerja mengikut waktu anjal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah waktu anjal ini akan dapat memudahkan urusan kebajikan anak mereka.

"Kerajaan ingin cadangkan agar sektor swasta juga menyambut dan mencontohi langkah murni ini," kata Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat di sini.

Di samping itu, kerajaan turut mencadangkan had kelayakan siling pendapatan ditingkatkan daripada RM500 ke RM750 bagi membolehkan lebih ramai orang kurang upaya yang bekerja menikmati bantuan elaun yang diberikan kerajaan sekarang.

Pada masa ini, kerajaan memberi RM200 sebulan sebagai Elaun Pekerja Kurang Upaya jika pendapatan bulanan tidak melebihi RM500.

Perdana Menteri berkata

pada masa sekarang beberapa skim bantuan kewangan diberikan kepada golongan ini termasuk bantuan kewangan pada kadar antara RM80 hingga RM350 sebulan dan sehingga pertengahan 2003, seramai 122,543 orang kurang upaya telah mendaftar dan menerima bantuan berjumlah RM88.5 juta.

Dr. Mahathir berkata, di samping itu, satu unit khas akan ditubuhkan di Kementerian Sumber Manusia bagi membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan. Pada masa sekarang kerajaan telah memperuntukkan satu peratus daripada jawatan awam khusus untuk golongan ini.

Perdana Menteri berkata untuk membantu ibu bapa dan membela nasib kanak-kanak kurang upaya, kerajaan bercadang memberi elaun RM25 sebulan kepada pelajar kurang upaya di sekolah rendah dan menengah bagi menggalakkan mereka mendapat ilmu.

Kerajaan bercadang elaun bulanan RM300 dinikmati oleh semua pelajar kurang upaya di institusi pendidikan tinggi berbanding hanya pelajar kurang upaya pendengaran di institusi pendidikan tinggi diberi elaun bulanan RM300.